

TAN SRI DATO' HAJI HASSAN BIN AZHARI: PERMATA AL-QURAN YANG HILANG

Mohd Hasbie al-Shiddieque Bin Ahmad
Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Khairul Anuar Bin Mohamad
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Samer Najeh Abdullah Samarh
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

ABSTRAK

Nama Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari adalah tokoh al-Quran yang tidak asing di kalangan masyarakat Malaysia. Apabila sebut saja nama Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari atau Ustaz Hassan Azhari maka terbayang di kalangan masyarakat Malaysia dengan satu rancangan television yang dikenali sebagai Muqadam yang disiarkan oleh Radio Television Malaysia 1 (RTM1) pada tahun 1979 hingga 1987. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengetengahkan sumbangan Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari dalam bidang al-Quran terutama bidang Tajwid dan Qiraat. Manakala pendekatan yang diamalkan dalam kajian ini ialah secara kualitatif melibatkan analisis dokumen dan kajian perpustakaan menerusi kajian-kajian lepas terhadap Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari. Hasil kajian mendapati sumbangan Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari terhadap pengajian al-Quran dan Qiraat amat besar kepada masyarakat Malaysia. Pendedahan terhadap sumbangan Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari dapat menjadi inspirasi kepada masyarakat Malaysia terutama generasi terkini untuk mendalami al-Quran.

Kata Kunci: Sumbangan, Tajwid dan Qiraat

PENGENALAN

Berdasarkan sejarah penurunan al-Quran di Gua Hira', Nabi Muhammad saw mengikut bacaan Jibrail a.s setelah beberapa kali memaklumkan kepada Jibrail a.s mengenai ketidakupayaan nabi Muhammad saw dalam memenuhi hajat Jibrail a.s. Namun dengan panduan dan tunjuk ajar Jibrail a.s, Nabi Muhammad saw dapat membaca awal Surah al-Alaq sehingga ayat 5. Maka proses permulaan talaqqi al-Quran boleh disandarkan berdasarkan kepada peristiwa yang berlaku di Gua Hira'. (Sedik Ariffin)

Selain itu terdapat beberapa dalil yang membuktikan bahawa pembelajaran al-Quran haruslah melalui kaedah talaqqi. Kebanyakan ulama dalam bidang Ulum al-Quran berpegang dalil-dalil alquran dan al-hadis. Antara dalil yang dikaitkan dengan pengajian al-Quran ialah:

Maksudnya: Janganlah engkau (Muhammad) menggerak-gerakkan lidahmu kerana hendak bersegera membaca dan menghafaznya (sebelum selesai Jibril membacanya). Sesungguhnya kamilah yang berkuasa mengumpulkan al-Quran (ke dadamu) dan Kamilah yang menetapkan bacaannya (pada lidahmu). Oleh itu, apabila Kami telah selesai membacanya maka ikutlah bacaannya”.

(Surah al-Qiyamah 75: 16-18)

Berdasarkan petikan ayat di atas, dapat dikategorikan kepada tiga bahagian yang utama. (Rawi, 1994) Allah swt ingin mengajar Nabi Muhmaad saw cara bertalaqqi wahyu. Sesungguhnya Nabi Muhamamd saw telah mendahului bacaan Jibrail sebelum sempurna bacaan Jibrail a.s. Seterusnya Allah mengarahkan Nabi Muhammad saw supaya mendengar sepenuhnya bacaan tersebut dan Allah swt akan menjaga dan menjelaskan ayat tersebut. seterusnya Nabi Muhammad saw mengikuti bacaan Jibrail AS.

- i. Membacanya
- ii. Mengajar
- iii. Menjelaskan dan memperincikan makna ayat tersebut.

Maksudnya: “Dan al-Quran itu Kami bahagi-bahagikan ia supaya engkau (Wahai Muhammad) membacakannya kepada manusia dengan lambat, tenang dan Kami menurunkannya beransur-ansur”.

(Surah al-Isra’ 17: 106)

Maksudnya: “Dan Sesungguhnya Engkau (Wahai Muhammad) diberikan menyambut dan menerima al-Quran dari sisi Allah Yang Maha Bijaksana lagi Maha Mengetahui.”

(Surah al-Naml 16:6)

Nabi Muhammad saw juga bertalaqqi bersama Jibrail a.s semasa hanyatnya dan menghidupkan bulan Ramadhan dengan bertalaqqi bersama Jabrail a.s. sehingga diakhir usia Nabi Muhammad saw. Tambahan pula, pada tahun terakhir hayat Nabi Muhammad saw telah bertalaqqi bersama gurunya iaitu Jibrail a.s sebanyak dua kali khatam pada bulan Ramadhan. Sekali gus dapat membuktikan bahawa kaedah pemindahan al-Quran menerusi kaedah talaqqi. Hal ini bersandarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Aisyah dan Fatimah r.a katanya: kami mendengar Rasulullah saw bersabda:

"أن الجبريل كان يعارضني القرآن في كل سنة مرة ، وأنه عارضني العام مرتين، ولا أراه إلا حضر أجلي "

Maksudnya: “Jibrail membaca al-Quran kepadaku setiap tahun sekali dan sesungguhnya Jibrail membaca al-Quran kepadaku pada tahun ini sebanyak dua kali. Aku tidak melihatnya melainkan ajalku telah datang.”

Pengenalan Tan Sri Dato' Haji. Hassan Azhari

Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari dilahirkan pada 18 Ogos 1928 di sebuah berkampungan yang terletak berhampiran dengan Masjid al-Haram iaitu Syu'ib Amir, Makkah al-Mukaramah (Abdul Halim El-Muhammady, 2006). Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari dibesarkan dalam masyarakat Arab yang dikenali dengan keras dan lasak. Beliau yang lebih mesra dengan panggilan sebagai "Abu Ya' di kalangan keluarganya (Khalid bin Isa, 2011) telah menetap di Makkah sehingga umur 10 tahun. Kemudian ayah beliau ditawarkan sebagai guru di sekolah Marta' al-Ulum ad-Diniyyah yang terletak di Kuala Langat pada tahun 1938. Ketika menetap di Makkah, beliau sempat menghafaz al-Quran sebanyak 10 juzuk dengan Sheikh Ismail Tamim dan belajar secara formal di Madrasah Dar Ulum, Mekkah (Khairul Anuar Muhamad, 2019) (Said & Adam, 2011)

Nasab dan keturunan Tan Sri Dato' Haji. Hassan Azhari

Tan Sri Dato' Haji Hassan Azhari dilahirkan di kalangan keluarga yang berpegang kepada agama Islam dan membesar mengikut acuan agama. Ayah beliau bernama Haji Azhari bin Haji Abdul Khalid merupakan seorang agamawan yang menetap di Mekkah dalam tempoh yang agak lama. Namun demikian, Haji Azhari bin Haji Abdul Khalid berketurunan melayu Banjarmasin, Indonesia. (Khalid b. Isa & Muhammad Lukman bin Ibrahim, 2015) Semasa berada di Makkah, Haji Azhari bin Haji Abdul Khalid berkesempatan mendalami pelbagai ilmu agama antaranya bidang fiqh, hadith, tafsir dan sebagainya (Abdul Halim El-Muhammady, 2006).

Menurut Khalid bin Isa, Ayah Tan Sri Dato' Haji Hassan Azhari iaitu Haji Azhari bin Haji Abdul Khalid dilahirkan di pada tahun 1880 di Kampung Arang-arang Pantai, Membaram, Sungai Gatal Barabai Banjarmasin, Kalimantan Borneo, Indonesia. Ayah beliau merupakan rakan baik kepada Ahmad Badawi iaitu ayah Perdana Menteri Malaysia yang ke Lima Tun Abdullah bin Ahmad Badawi (Abdul Halim El-Muhammady, 2006). Ayahnya seorang ulama dalam bidang tafsir, tafsir, Syariah dan ilmu al-Quran. Semasa berada di Makkah, ayahnya dilantik sebagai mutawwif oleh kerajaan Arab Saudi bagi membantu Jemaah haji dan umrah dari Malaysia (Khalid bin Isa, 2011). Manakala datuk Tan Sri Dato' Haji Hassan Azhari iaitu Haji Abdul Khaliq bin Haji Abdul Rauf juga merupakan seorang tokoh ulama di Banjarmasin Indonesia (Khalid b. Isa & Muhammad Lukman bin Ibrahim, 2015).

Menurut temubual Khalid bin Isa bersama Tan Sri Dato' Haji Hassan Azhari pada 24 November 2008 di rumah beliau menjelaskan bahawa ayahnya, Haji Azhari bin Haji Abdul Khalid mempunyai tiga orang isteri dan 15 orang anak. Tiga isteri ayah beliau bernama Halijah, Hajjah Fatimah binti Haji Abd Hakim (ibu Tan Sri Dato' Haji Hassan Azhari), dan Hajjah Aishah. Ayah beliau meninggal dunia pada tahun 1967 ketika brumur 87 tahun dan dikebumikan di Perkuburan Islam Kampung Jawa, Klang, Selangor (Khalid bin Isa, 2011).

Sepanjang hayat Haji Azhari bin Haji Abdul Khalid beliau pernah dilantik sebagai guru agama di madrasah Marta' al-Ulum ad-Diniyyah, Imam, Pengapit Mahkamah, Qadi, dan Ketua Jawatankuasa Fatwa Selangor. Ini disebabkan oleh keberkatan ilmu yang diperolehi semasa berada di Makkah. (Khalid bin Isa, 2011)

Ibu Tan Sri Dato' Haji Hassan Azhari iaitu Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Hakim juga berketurunan Padang, Sumatera, Indonesia. Datuk sebelah ibu merupakan seorang tokoh ulama yang mendalami ilmu agama dalam tempoh yang lama di Makkah (Khalid b. Isa & Muhammad Lukman bin Ibrahim, 2015). Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Hakim merupakan keturunan Arab dan Minangkabau al-Khatib (Abdul Halim El-Muhammady, 2006).

Menjadi satu kelebihan kepada ibu Tan Sri Dato' Haji Hassan Azhari dapat bertutur dalam Bahasa Arab dan fasih di samping mempunyai suara yang murdu, lunak dan pandai bertaranum al-Quran, marhaban, nasyid, qasidah, dan berkebolehan bermain alat muzik iaitu table. Tidak hairan sekiranya ibu beliau terkenal di kalangan pencinta taranum dan mempunyai ramai murid (Khalid bin Isa, 2011). Hal ini jelas membuktikan bahawa Tan Sri Dato' Haji Hassan Azhari berketurunan ulama samada keturunan ayahnya atau ibunya.

Tan Sri Dato' Haji Hassan Azhari mempunyai tujuh orang adik beradik, lima daripadanya telah meninggal ketika berada di Makkah. Manakala beliau dengan abangnya iaitu Haji Abdul Hakim dikurniakan umur yang panjang. Beliau juga merupakan anak bongsu bagi pasangan Haji Azhari bin Haji Abdul Khalid dan Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Hakim (Khalid b. Isa, 2016). Abang beliau memainkan peranan sebagai peneman perjalanan beliau semasa pulang ke Malaya menerusi kapal (Abdul Halim El-Muhammady, 2006).

Pendidikan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari

Perjalanan Tan Sri Dato Haji Hassan bin Azhari dalam menuntut ilmu agama amat panjang. Menurut Khalid bin Isa membahagikan 3 fasa pengajian. Fasa pertama semasa Tan Sri Dato Haji Hassan bin Azhari berada di Mekah. Seterusnya fasa kedua ketika Tan Sri Datuk Haji Hassan bin Azhari mengikuti ayahnya pulang ke Malaysia. Manakala fasa yang ketiga adalah ketika Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari melanjutkan pengajian di Mesir.

Ketika Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari berada di Mekah, beliau menerima pendidikan secara formal di Madrasah Dar al-Ulum al-Diniyyah, Mekah. Di sana Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari mendalami beberapa bidang pengajian Islam antaranya Fiqh, Akidah, dan Bahasa Arab. Antara guru yang mengajar di Madrasah dar al-Ulum al-Diniyyahy ialah Shiekh Yasin al-Fadani. Di samping itu, berkesempatan mendalami ilmu al-quran secara tidak formal di Masjid al-Haram dan mengikuti halaqah- halaqah pengajian yang terdapat di Masjid al-Haram bersama guru-guru yang terkenal di Mekah terutamanya di guru yang berasal dari Nusantara seperti Indonesia dan Patani.

Semasa menuntut di Makkah al- Mukaramah, Tan Sri dato' Haji Hassan bin Azhari dapat menguasai beberapa ilmu asas Pengajian Islam seperti bahasa Arab dan berupaya menghafal al-quran sebanyak 10 juzuk bersama Sheikh Ismail Tamim di Masjid al-Haram. Ketika itu beliau baru berusia 10 tahun (Abdul Halim El-Muhammady, 2006). Namun demikian terdapat perbezaan pendapat tentang usia Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari pulang ke Tanah Melayu. Menurut Khalid bin Ali (2011) mengatakan usia Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari pulang ke Tanah Melayu ialah pada umur 8 tahun.

Setelah menerima pendidikan di Mekah al-Mukaramah, Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari terpaksa mengambil keputusan untuk melanjutkan pengajian ke Tanah Melayu. Ini disebabkan oleh, ayah beliau ditawarkan sebagai guru di Madrasah Marta' al-Ulum ad-Diniyyah Oleh Yang Amat Mulia Sultan Selangor. Sepanjang berada di Tanah Melayu, Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari tempat belajar di beberapa sekolah termasuklah di Madrasah Marta' al-Ulum ad-Diniyyah.

Setelah tamat pengajian di sekolah Marta' al-Ulum ad-Diniyyah, Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari melanjutkan pengajian ke Sekolah Arab al-Hayat al-Mardiyyah yang terletak di Kampung Jawa Klang, Selangor. Sekolah ini diasaskan oleh Tengku Mahmud Zuhdi bin Abdul Rahman al-Fatani. Ketika berada di Sekolah berkenaan, Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari sempat berguru dengan beberapa orang guru antaranya ialah Sheikh Baharuddin dan Abang beliau sendiri iaitu Ustaz Abdul Hakim (Khalid bin Isa, 2011)

Setelah itu, Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari menyambung pengajian ke Madrasah al-Junaid, Singapura. Beliau mengambil masa selama 2 tahun untuk menamatkan pengajiannya. Antara guru yang berjasa kepada beliau ialah Sayyid Abu Bakar al-Saqqāf dan Sheikh Abdullah al-Faqīh. Setelah tamat pengajian di Madrasah Al-Junied Singapore, Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari meneruskan pengajian di Sekolah Hishamuddin, Selangor dan mengambil masa 4 tahun untuk tamat pengajian di peringkat Rabi' Thanawi. Di sekolah Hishamuddin Selangor, Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari sempat berguru dengan beberapa orang guru antaranya Syekh Mahmud al-bukhari, Sheikh Sulaiman al-Sawahi, (Abdul Halim El-Muhammady, 2006) dan Kiyai Khalil (Khalid b. Isa & Muhammad Lukman bin Ibrahim, 2015). Begitu juga, Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari melanjutkan pengajian di sekolah Melayu Kuala Langat dan Jubli school Klang (Abdul Halim El-Muhammady, 2006).

Dalam mendapani cabaran pada masa hadapan, Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari juga tidak ketinggalan untuk menguasai bahasa Inggeris. Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari mempelajari bahasa Inggeris ketika beliau berada di sekolah Melayu Kuala Langat dan Jubli school Klang. Antara guru bahasa Inggeris beliau ialah Mr Thomas (Abdul Halim El-Muhammady, 2006) dan Mr Ramlu (Khalid b. Isa & Muhammad Lukman bin Ibrahim, 2015).

Mendalami al-Quran bersama Sheikh terkenal di Makkah

Kelahiran di bumi yang penuh barakah iaitu Makkah al-Mukaramah merupakan satu kelebihan kepada Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari untuk mendalami ilmu agama. Tambahan pula ayah beliau merupakan seorang tokoh agama yang terkenal di kalangan masyarakat melayu di Tanah Haram. Berbekalkan kelebihan dan minat untuk mendalami ilmu agama, Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari mengambil peluang untuk berguru dengan beberapa orang guru yang terkenal di Makkah al-Mukaramah. Kesungguhan beliau dapat diterjemahkan ketika beliau mengikuti pengajian secara tidak formal seperti halaqah pengajian al-Quran dan kitab-kitab lain di Masjid al-Haram bersama guru yang berasal dari Tanah Melayu yang terkenal di sana (Khalid bin Isa, 2011).

Minat yang tinggi untuk mempelajari ilmu al-quran mendorong Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari untuk memperuntukkan masa dan tenaga semata-mata mendalami ilmu al-quran seperti ilmu tajwid, Makhraj dan Taranum. Tambahan pula, guru beliau Sheikh Ismail Tamim datang ke Malaysia atas jemputan dan lantikan Sultan Selangor sebagai Sheikh al-Maqari Negeri Selangor (Abdul Halim El-Muhammady, 2006). Namun demikian, Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari tidak dapat menyempurnakan pengajian beliau bersama Sheikh Ismail Tamim disebabkan oleh Tentera Jepun menawan Tanah Melayu. Oleh yang demikian, Sheikh Ismail Tamim mengambil

keputusan untuk pulang ke Mekah (Khalid bin Isa, 2011). Ini tidak mematahkan semangat Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari untuk mendalami ilmu al-quran. Seterusnya beliau mengambil keputusan untuk kembali ke Mekah bagi menyempurnakan pengajiannya bersama Sheikh Ismail Tamim.

Berbekalkan nasihat gurunya Sheikh Ismail Tamim, maka Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari melanjutkan pengajian dalam bidang al-quran di Mesir. pada tahun 1948, Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari melanjutkan pengajian di Mesir dan berguru dengan beberapa guru yang terkenal di sana. Ketika itu beliau berusia 20 tahun (Halim). Antara guru beliau yang terkenal di Mesir ialah Sheikh Sayyid Mahmud Lutfi Amir. Ketika berada di Mesir, beliau berpeluang mendalami ilmu qiraat, Tajwid, dan tarannum al-quran. Guru beliau dalam bidang qiraat ialah Syeikh Mahmud al-Bukhari mengikut qiraat Hafs riwayat Asim dan Sheikh Mahmud Amin Tantawi mengikut Qiraat Warsh riwayat Nafi' (Khalid bin Isa, 2011).

Sementara itu minat beliau dalam bidang tarannum juga mendorong untuk menguasai ilmu tarannum. Kesungguhan Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari membuahkan hasil setelah beliau dapat menguasai kesemua di lagu Taranum seperti Bayati, Hijaz, Nahawand, Sikah, Jiharkah, Saba, Rast, dan lagu Tawasyih (Khalid bin Isa, 2011). Antara guru tarannum beliau ialah Sheikh Mahmud Abdul Samad al-Jambi, dan Dr. Ahmad Nuayina' (Khalid b. Isa, 2016).

Atas semangat yang tinggi untuk mendalami ilmu al-Quran dan hubungan yang baik bersama gurunya iaitu Sheikh al-Muqri' Ismail Tamim al-Hafiz, Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari menyempurnakan pengajian al-Quran di Makkah. Kepulangan beliau ke Makkah adalah semata-mata untuk mendalami asas-asas ilmu al- Quran seperti ilmu Tajwid, Makhraj Huruf, dan Taranum. Beliau mengambil masa 6 tahun untuk menyempurnakan pengajian al-Quran. Namun, sifat tidak puas dalam mendalami al-Quran mendorong beliau untuk melanjutkan pengajian di Mesir selama 1 tahun atas nasihat guru beliau Sheikh al-Muqri' Dato' Ismail Tamim al-Hafiz (Abd Rauf Hassan & Wan Norainawati Wan Hamzah, 2007, p. 40). Sifat tidak puas dengan al-Quran yang ada pada diri Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari dapat dibuktikan melalui perbualan yang tercatat dalam buku Biografi Dato' Haji Hassan Azhari (Abd Rauf Hassan & Wan Norainawati Wan Hamzah, 2007).

Selain guru yang berada di Makkah al-Mukaramah, Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari juga menyambung pengajian dalam bidang al-Quran ke Mesir. Semasa berada di Mesir, beliau sempat berguru dengan beberapa orang guru al-Quran yang terkenal dalam pelbagai bidang antaranya bidang taaranum dan tajwid. Dalam tempoh yang singkat iaitu selama satu tahun berada di Mesir, Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari memanfaatkan masa sebaik mungkin (Abdul Halim El-Muhammady, 2006). Beliau juga memiliki sanad al-quran mengikut riwayat *Hafs* melalui Sheikh Mahmud al-Bukhari dan riwayat *Warsh* melalui Sheikh Muhammad Abd Samad dan Dr. Ahmad Nu'ayna' Namun demikian, pembahasan terhadap guru Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari akan disempurnakan pada perbincangan seterusnya (Khalid bin Isa, 2011).

Berikut adalah senarai guru dalam bidang al-Quran dan tarannum:

- a. Sheikh Dato' Isma'il Tamim
- b. Sheikh al-Maqari' Syed Mahmud al- Bukhari
- c. Sheikh al-Maqari' Syed Mahmud al- Hafiz
- d. Sheikh Muhammad Abdul Samad
- e. Sheikh Syed Mahmud Lutfi 'Amir
- f. Sheikh Al-Muqri' Syed Mahmud Tantawi
- g. Sheikh al-Muqri' Tabib Dr. Ahmad Nu'ayna'.

Sumbangan Tan Sri Dato' Hj. Hassan Azhari

Penglibatan Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari dalam pendidikan al-Quran dapat dikesan dari awal penglibatan beliau dalam Pertandingan Tilawah Peringkat Kebangsaan yang julung kali diadakan pada tahun 1947. Dalam pertandingan tersebut, beliau mewakili Negeri Selangor dan merupakan salah seorang johan (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2008). Melalui pertandingan tersebut, maka bermulalah penglibatan beliau dalam pengajian al-Quran samada dalam bidang tajwid, qiraat, tarannum, dan seni lagu melalui nasyid dan berzanji. Berikut adalah sumbangan Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari sepanjang penglibatan beliau dalam pendidikan al-Quran:

i. Rakaman pengajian al-Quran

Rakaman bacaan al-Quran yang pertama direkodkan dan tersebar luar hingga ke Nusantara adalah rakaman suara yang dibaca oleh Sheikh Mahmud Khalil al-Husari mengikut riwayat Hafis dari Imam Asim (Abd Rahim Mu'nis al-Laithi, 2013). Di Malaysia, rakaman pengajian al-Quran dipopapuri oleh Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari. Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari mempunyai kelebihan dalam menarik minat kanak-kanak untuk mempelajari al-Quran melalui pendekatan Muqaddam yang disiarkan oleh Radio Television Malaysia (RTM). Pendekatan yang dibawa dalam pengajian Muqaddam adalah dimulakan dengan pengenalan huruf, diikuti dengan perkataan al-Quran, dan diikuti dengan bacaan oleh murid-murid yang mengikuti pengajian tersebut (Abdul Halim El-Muhammady, 2006). Kepakaran beliau dalam ilmu tajwid diakui dan diiktiraf ulama Qurra' di dalam negara mahupun di luar negara (Khairul Anuar Mohamad, 2019).

Rancangan Muqaddam yang disiarkan oleh RTM bermula pada tahun 1979 mendapat sambutan di kalangan masyarakat terutamanya golongan kanak-kanak. Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari mengendalikan rancangan tersebut selama lapan tahun. Setelah itu, silibus pengajian al-Quran mengikut kaedah Muqaddam dijadikan asas dalam pendidikan di Malaysia setelah dibuat pendekatannya supaya bersesuaian dengan polisi Kementerian Pendidikan dengan dibantu menggunakan kaedah Qiraati. Pengajian tersebut direkodkan dalam keset-keset sebanyak 480 siri dan diedar keseluruh sekolah menengah kerajaan (Abdul Halim El-Muhammady, 2006).

Selain itu, Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari juga diberi penghormatan dalam bentuk pengkongsian ilmu al-quran di seminar dan bengkel yang dianjurkan di dalam atau di luar negara. Penglibatan beliau dalam pembentangan kertas kerja atau seminar seawal tahun 1992. Terdapat juga penulisan dalam ilmu tajwid yang menjadi rujukan masyarakat setempat. Buku tersebut berjudul Muqaddih Ilmu Tajwid yang diterbitkan oleh Persatuan Qurra' Malaysia pada tahun 2001 (Abdul Halim El-Muhammady, 2006)

Penampilan Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari dalam medium media massa telah menjadikan beliau lebih terkenal. Tambahan pula, keadah pengajaran yang disampaikan mudah difahami di semua peringkat umur. Abd Rauf Hassan telah menyenaraikan penerbitan elektronik pembelajaran al-Quran yang dirakam sepanjang penglibatan beliau dalam dunia rakaman (Abd Rauf Hassan & Wan Norainawati Wan Hamzah, 2007). Berikut adalah rakaman-rakaman yang telah ditelaah dijadikan sebagai rujukan masyarakat:

- a. Rakaman sebanyak 400 siri Pembelajaran al-Quran di Radio RTM dari tahun 1960 hingga 1998.
- b. Rakaman sebanyak 442 Siri Pembelajaran al-Quran di Televisyen RTM dari tahun 1979 hingga 1984.
- c. Rakaman cakera padat (CD) Berzanji.
- d. Rakaman cakera padat (CD) Tarunnaum al-Quran.
- e. Rakaman 45 siri Video Cakra Padat (VCD) Pelajaran al-Quran 1990.
- f. Rakaman keset Pembelajaran al-Quran Terbitan Singgapiura.

ii. Hakim Tilawah dan Hafazan

Pada peringkat awal, Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari mencaburi bidang kehakiman dalam pertandingan Tilawah al-Quran di peringkat daerah dan jajahan sekitar Selangor dan Kuala Lumpur. Bermula penglibatan beliau pada tahun 1950, maka beliau dijemput untuk mengadili beberapa pertandingan di setiap peringkat samada di peringkat daerah, jajahan, negeri, kebangsaan, dan antarabangsa (Khalid b. Isa & Muhammad Lukman bin Ibrahim, 2015).

Manakala penglibatan beliau dalam hakim tilawah al-Quran di peringkat kebangsaan adalah bermula pada tahun 1960 yang dianjurkan oleh Kerajaan Malaysia. Kemudian diamanahkan untuk mengadili tilawah al-Quran ke peringkat antarabangsa dalam kepakaran beliau iaitu bidang tarannum, tajwid, fasahah, dan suara (Khalid b. Isa & Muhammad Lukman bin Ibrahim, 2015).

Pada tahun 1961, Kerajaan Malaysia dibawah pimpinan YTM Tunku Abdul Rahman memperkenalkan pertandingan Tilawah al-Quran peringkat antarabangsa. Pertandingan ini diadakan pada 22 Ramadhan 1380 bersamaan dengan 9 Mac 1961 (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2008). Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari, merupakan antara barisan hakim yang terawal selain Haji Ahmad bin Mat Som dari Kelantan, Haji Mahyudin bin Abdullah dari Perak, Sheikh Mahmud bin Mat Seman dari Perlis, Haji Hassan bin Ismail dari Johor (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2008).

Berbekalkan pengalaman beliau semasa menjadi hakim tafazan al-Quran yang diadakan di Arab Saudi dan beliau telah mencadangkan kepada pihak Kerajaan Malaysia untuk mengadakan pertandingan Musabaqah Hafazan al-Quran memandangkan pertandingan tersebut telah mendapat perhatian di negara Arab seperti Mesir, Arab Saudi, Iraq, dan Kuwait (Abd Rauf Hassan & Wan Norainawati Wan Hamzah, 2007). Cadangan ini, telah dipersetujui oleh Kerajaan Malaysia kemudian melantik Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai wakil kerajaan untuk mengendalikan pertandingan Musabaqqah hafazan al-Quran yang kini dikenali sebagai Majlis Menghafaz al-Quran (Abd Rauf Hassan & Wan Norainawati Wan Hamzah, 2007).

Setelah dikenalpasti kepakaran yang terdapat pada Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari dalam bidang kehakiman tilawah dan menghafaz al-Quran, beliau sering diundang sebagai hakim tilawah al-Quran badan-badan kerajaan atau swasta seperti Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan Tenaga Nasional Berhad, Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan Petronas, Majlis Tilawah al-Quran unjuran Angkatan Tentera Malaysia, dan Majlis Tilawah al-Quran

Peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) (Abd Rauf Hassan & Wan Norainawati Wan Hamzah, 2007).

Manakala beliau pernah diundang untuk menjadi hakim di peringkat antarabangsa yang diadakan di luar negara seperti Makkah al-Mukarramah dari tahun 1979 hingga 1993, Mesir pada 1993 dan 1994, dan beberapa negara jiran seperti Brunei, Indonesia, Thailand, Singapura (Khalid b. Isa & Muhammad Lukman bin Ibrahim, 2015).

iii. Tarannum

Pengalaman Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari dalam bidang tarannum al-Quran amat luas dan beliau juga merupakan antara pakar rujuk dalam bidang tarannum. Bakat dalam bidang tarannum dan seni suari diwarisi oleh beliau melalui bondanya yang juga merupakan guru dalam bidang seni suara. Tambahan pula, beliau mempunyai pengalaman melebihi 50 tahun dalam bidang kehakiman samada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

Berbekalkan bakat dan pengalaman yang luas dalam bidang tarannum, Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari diberi kepercayaan untuk membimbing Qari dan Qariah di Malaysia terutamanya di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Beliau juga turut diundang ke luar negara untuk membimbing Qari dan Qariah yang terpilih untuk menyertai pertandingan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa (Abd Rauf Hassan & Wan Norainawati Wan Hamzah, 2007).

Ramai di kalangan murid beliau telah menjadi johan dalam pertandingan Majlis Tilawah al-Quran samada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Khalid bin Isa telah menyenaraikan beberapa nama murid beliau yang telah berjaya dalam tarannaum (Khalid bin Isa, 2011) dan ada dikalangan murid beliau diberi kepercayaan oleh beliau untuk mengendalikan kelas pengajian al-Quran dan tarannum (Abd Rauf Hassan & Wan Norainawati Wan Hamzah, 2007).

Antara Qari yang berguru dengan Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari ialah:

- a. Hj. Abd. Ghani b. Hashim
- b. Hj. Radzi b. Kamarul Hailan.
- c. Hj. Daud b. Che Man
- d. Hj. Saleh b. Saidi
- e. Hj. Muhammad b. Awang Teh
- f. Hj. Shafei b. Kati @ Sulaiman.
- g. Dato' Hj. Muhammad b. Hasri.
- h. Dato' Ahmad Faizul b. Ghazali

Manakala Qariah di bawah didikan beliau ialah:

- a. Hajjah. Pasihah @ Fasihah bt. Hj. Hashim
- b. Maslina Sinaga bt. Abdul Rahman
- c. Hajjah. Masnah bt. Awang
- d. Hajjah. Siti Aminah bt. Awang

Selain mempunyai murid dalam bidang tarannum, Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari juga mempunyai murid yang menyambung kesinambungan ilmu qiraat melalui rantaian sanad yang diperolehi dari guru-guru beliau. Antara murid yang mengambil bacaan qiraat dari beliau ialah anak beliau sendiri iaitu Ustaz Thaha bin Azhari.

iv. Penglibatan dalam Persatuan Qurra'

Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari merupakan seorang individu yang aktif dalam Persatuan Qurra' Malaysia samada di peringkat Malaysia mahupun di peringkat antarabangsa. Beliau juga merupakan perintis Persatuan Qurra' Malaysia untuk menjalin hubungan yang baik bersama ahli qurra' samada dalam Negara atau luar Negara (Khalid bin Isa, 2011). Hubungan baik antara negara luar seperti Indonesia, Singapura, Pakistan, Mesir, Saudi dan Iraq memberi manfaat yang besar kepada Persatuan Qurra' Malaysia (Abd Rauf Hassan & Wan Norainawati Wan Hamzah, 2007).

Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari menggunakan pendekatan dengan mengadakan program ziarah dan lawatan di anantara negara-negara yang terlibat. Pada masa yang sama dapat mempromosikan Malaysia ke negara yang terlibat. Di samping mempelawa negeri yang dilawati dalam penyertaan majlis formal seperti Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa yang dianjurkan oleh Kerajaan Malaysia (Abd Rauf Hassan & Wan Norainawati Wan Hamzah, 2007).

Dalam usaha menjaga hubungan di antara ahli Qurra' Malaysia dengan negara luar, sekali lagi Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari diberi kepercayaan untuk memegang jawatan sebagai Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Persatuan Qurra' Antarabangsa yang berpusat di Bagdad, Iraq (Abd Rauf Hassan & Wan Norainawati Wan Hamzah, 2007). Ini membuktikan bahawa Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari amat dikenali di seluruh dunia dan menjadi salah seorang pakar rujuk dalam bidang al-Quran.

Penutup

Sumbangan Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari terhadap pengajian al-Quran di Malaysia amat besar dan boleh dikatakan beliau salah seorang penggerak dalam mencorak pengajian al-Quran di Malaysia. Sepanjang hidup beliau, beliau memperolehi pelbagai anugerah yang dikurniakan oleh kerajaan Malaysia khasnya dan negara luar umumnya (Khalid bin Isa, 2011). Antara sumbangan tertinggi yang disumbangkan oleh Tan Sri Dato' Haji Hassan bin Azhari ialah melaungkan Azan sempena hari kemerdekaan Malaysia pada 31 Ogos 1957 dan menjadi sejarah kepada Malaysia (Abd Rauf Hassan & Wan Norainawati Wan Hamzah, 2007)

Rujukan

Abd Rahim Mu'nis al-Laithi. (2013). *Subul al-Salam fi Tajwid Khaira al-Kalam*. Kaherah.
Abd Rauf Hassan & Wan Norainawati Wan Hamzah. (2007). *Biografi Dato' Haji Hassan Azhari*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
al-Qattan, Mana' al-Qattan. (2007). *Mabahith fi Ulum al-Quran*.

- Abdul Halim El-Muhammady. (2006). Tokoh 13. Y. Bhg. Dato' Haji Hassan bin Azhari. In *Biografi Tokoh Ma'al Hijrah Peringkat Kebangsaan 1408-1426H* (pp. 431-447). Kuala Lumpur: JAKIM.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2008). *50 Tahun Tilawah al-Quran Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Khairul Anuar Mohamad. (18 Mei, 2019). *Kosmo Online*. Retrieved from Varia: <http://www.kosmo.com.my/k2/varia/ketokohan-hassan-permata-al-quran-1.783701>
- Khairul Anuar Muhamad. (18 May, 2019). *Kosmo*. Retrieved from Ketokohan Hassan Permata al-Quran: <http://www.kosmo.com.my/k2/varia/ketokohan-hassan-permata-al-quran-1.783701>
- Khalid b. Isa & Muhammad Lukman bin Ibrahim. (2015). Tan Sri Dato' Haji Hassan Azhari: Sumbangannya dalam Pengajian al-Quran. *KIAS Journal*, 57-72.
- Khalid b. Isa. (2016). Tan Sri Dato' Haji Hassan Azhari: Methodologi Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Ilmu Taranum al-Quran. *al-Bashirah*, 31-47.
- Khalid bin Isa. (2011). *Tan Sri Dato' Haji Hassan Azhari: Sumbangannya Dalam Ilmu Taranum al-Quran di Malaysia*. Kuala Lumpur: UM.
- Rihab Rafaat Fauzi. (2009). *Asoh al-Asaānid*. Dar al-Wafa'. 5-25.
- Said, K., & Adam, J. (2011). *Corak Ṭarīq Sanad Pengajian Al-Quran di Negeri Pahang*. Retrieved 18 5, 2019, from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/quranica/article/view/5283>
- Sedek Ariffin. *Kepentingan Talaqqi dan Musyafahah Dalam Pembacaan al-Quran*